

## **Mengeluarkan rahsia-rahsia di antara suami dan isteri**

Kehidupan seorang suami dan isterinya itu adalah seperti dua badan satu jiwa. Hubungan diantara keduanya sangat rapat dan erat. Kedua-duanya menumpahkan kasih dan isi hatinya di antara satu dengan lain. Masing-masing mereka memberikan pengorbanan sepenuh-penuhnya di antara keduanya. Dengan sebab itu banyak perkara dalam hubungan keduanya diketahui oleh mereka berdua sahaja dan menjadi suatu rahsia yang hanya diketahui oleh mereka keduanya sahaja. Perkara-perkara rahsia ini tidaklah boleh sama sekali dihebah-hebahkan kepada orang lain. Agama sangat mengutuk segala perbuatan menceritakan hal-hal suami isteri itu kepada orang lain.

Dasar-dasar di atas perkara ini dapat diperhatikan

daripada firman Allah dalam *Sūrah Al-Nisā'* ayat 4 yang

maksudnya:

“Orang-orang lelaki itu pemimpin atas orang-orang perempuan dengan sebab kelebihan yang telah diberikan Allah kepada setengah mereka atas setengah-setengahnya dan dengan sebab nafkah yang mereka keluarkan. Maka perempuan-perempuan yang soleh yang tetap beribadat dengan penuh khusyuk lagi memelihara rahsia-rahsia suami-isteri dengan sebab pemeliharaan Allah kepada mereka.”

Nabi Muhammad (S.A.W) pula bersabda (maksudnya)

Bahwasanya sebesar amarah di sisi Allah pada

Hari Kiamat, ialah seorang lelaki menerangkan rahsia kepada isterinya dan demikian pula isteri kepada suaminya, kemudian (suami atau isteri) menyiarkan rahsia itu “Riwayat Muslim”.

Yang dimaksudkan dengan rahsia suami isteri itu:

“Mengkhabarkan apa yang tidak dilihat atau didengar orang dari rahsia-rahsia suami - isteri dari hal bersetubuh yang tidak diketahui oleh selain daripada keduanya dan

urusan-urusan yang terjadi di dalam bilik tidur yang tertutup”

Suami yang memperkatakan apa-apa yang ia lihat atau apa-apa yang didapatinya daripada kebagusan perbuatan (oleh) isterinya; suami yang tidak malu menerangkan perangai dan tingkah lakunya terhadap isterinya atau sebaliknya, ialah suami yang sangat buruk, termasuk ke dalam golongan sejahat-jahat manusia. Demikian juga jika dibuat diucapkan atau diciterakan<sup>1</sup> oleh isterinya.

Syarik menuntut supaya isteri-isteri memelihara rahsia perhubungan di dalam bilik-bilik rahsia, yang berlaku di belakang tabir dan rahsia-rahsia yang hanya diketahui dan dirasai oleh kedua-dua mereka sahaja.

Perempuan-perempuan yang soleh itulah yang sungguh-sungguh memelihara rahsia-rahsia aib itu dengan berkat pertolongan Allah kepadanya untuk menyembunyikan rahsia-rahsia itu.

Sebaliknya, perempuan-perempuan yang rendah jiwanya sangat gemar menerangkan perbuatan-perbuatan suaminya terhadap dirinya bahkan menjadi pula kegemarannya menciterakan<sup>2</sup> perbuatan-perbuatan di belakang tabir kedua, dijadikan pokok percakapan-percakapan walau sampai ke mana juar. Di sanalah selalunya berkisar percakapan

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah diceritakan

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah diceritakan

mereka. Tabiat yang seperti ini selalu benar didapati

di dalam masyarakat kaum ibu.

Diberitakan oleh Asma' Binti Yazid, bahawa pada

satu hari ia duduk di majlis Nabi beserta

orang ramai. Pada ketika itu Nabi bersabda: "Boleh jadi

ada orang-orang lelaki yang mencakap-cakapkan apa yang ia lakukan

terhadap isterinya atau ada pula orang perempuan yang demikian

pula halnya"

Mendengar sabda Rasulullah itu, orang ramai pun

berdiam diri dengan ketakutan. Sejurus kemudian Asma'

berkata: "Ya Rasulullah banyak benar orang-orang yang berbuat

demikian, baik lelaki maupun perempuan."

Ketika mendengar perkataan Asma' itu Nabi pun

bersabda:

"Janganlah sekali-kali kamu perbuat lagi! Kerana

yang demikian adalah semisal seorang syaitan lelaki

menjumpai betinanya di tengah jalan, maka ia menyebuhinya

betinanya itu, sedang manusia ramai melihat perbuatannya

itu."

Mustahak diketahui bahawa bukannya sahaja ditegah

membuka rahsia suami isteri tetapi dilarang pula

membuka rahsia kawan, dan menyiar atau menebar

perkataan kawan yang dicakapkan dengan kata yang tidak

diingini menebarkannya.


Berhati-hatilah kita di dalam soal ini. Hal-hal

kedua-dua suami isteri itu yang berkeadaan seperti dua

tubuh satu nyawa adalah suatu perkara yang sangat

tidak disukai dan ditegah diberitahukan kepada orang

terutamanya di dalam perkara yang membawa aib.



Rakyat Negeri Bahrain sedang membanjiri istana raja untuk mengucapkan harijadi kepada rajanya.